

PRINSIP-PRINSIP AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH: PENGENALAN DAN TERJEMAHAN MELAYU WAṢIYYAH IMAM ABŪ ḤANĪFAH[#]

***Mohd Anuar Mamat*, Mohd Manawi Mohd Akib dan
Basri Husin***

*Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 50603.
Kuala Lumpur. Malaysia.

Emel: *anuarmamat@um.edu.my

Khulasah

Imam Abū Ḥanīfah merupakan salah seorang sarjana dan mujtahid agung dalam Islam. Beliau telah meninggalkan beberapa karya berharga kepada umat Islam sama ada dalam bidang akidah mahupun fiqh melalui nukilan daripada para pelajar beliau. Antaranya ialah *Waṣiyyah* yang memerihalkan prinsip-prinsip Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dalam wasiat tersebut beliau berpesan secara khusus kepada para pelajarnya (*aṣḥāb dan ikhwān*) supaya sentiasa berada dalam golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan tidak terperangkap dengan golongan pelaku bid'ah (*mubtadi*) ataupun golongan pengikut hawa nafsu (*ṣāhib hawā*). Beliau seterusnya merumuskan sebanyak dua belas prinsip Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang perlu dilazimi oleh semua umat Islam. Wasiat sebegini amat penting diketengahkan kepada masyarakat Melayu kini untuk menjelaskan prinsip-prinsip golongan tersebut khususnya kerana ia belum lagi diperkenalkan serta diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Justeru, artikel ini akan mengemukakan pengenalan mengenai Abū Ḥanīfah, kesahan teks *Waṣiyyah* sebagai karya beliau, ulasan

[#] Makalah ini adalah versi kemaskini dan penambahan terhadap kertas kerja sisipan untuk *Seminar Pemikiran Islam II* yang dianjurkan pada 20-22 Julai 2010 oleh Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

ringkas kandungan teks dan seterusnya terjemahan Melayu. Walaupun risalah ini hanyalah wasiat ringkas yang disembahkan dalam bentuk matan, namun ia amat berharga dan memadai untuk menjadi prinsip asas dan panduan dalam mendepani cabaran akidah masa kini.

Kata kunci: Abū Ḥanīfah, *Waṣiyyah*, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah, akidah, kajian teks dan terjemahan.

Abstract

Imām Abū Ḥanīfah was one of the most prominent scholars and *mujtahid* in Islam. He had left some valuable works in the field of Islamic Theology (*Aqīdah*) and *Fiqh* (jurisprudence) for his disciples. Among his works are his *Waṣiyyah* that underline the principles of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah. He reminded his disciples to stick with the Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah and not to obey the innovators (*mubtadi`*) or those who follow their desires (*ṣāḥib hawā*). Then, he constructed and formularized twelve principles of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah as a guidance for the Muslim community. This *Waṣiyyah* is indeed essential for the Malay community in present days in obtaining the accurate understanding of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah, however it is not yet to be translated into Malay. Thus, this article will present a brief introduction on Abū Ḥanīfah, the validity of the *Waṣiyyah* that belongs to him, a brief review of the *Waṣiyyah* contents and its Malay translation. Although this treatise is only a short explanation as written in the form of *matan*, its contents are valuable and suitable to serve as the basic principles of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah in facing the present theological challenges.

Keywords: Abū Ḥanīfah, *Waṣiyyah*, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*, Islamic creed, text study and translation.

Pendahuluan

Akidah merupakan tunjang utama bagi umat Islam dalam mendepani gelombang pemikiran masa kini. Gelombang tersebut menyerang melalui dua sudut, pertama; sudut luaran daripada ajaran Islam seperti pemikiran Barat yang menyajikan kepada dunia faham-faham seumpama sekularisme dan materialisme yang jauh daripada penghayatan agama. Kedua; sudut dalaman Islam sendiri seperti penyelewengan-penyelewengan daripada sesetengah golongan yang taksub kepada suatu ajaran dan fahaman yang tidak selari dengan sumber agama seperti ajaran sesat, fahaman Syiah dan Wahabiyah.

Selain menggoyahkan akidah, kedua-dua sudut tersebut juga bertujuan memesonkan akidah Muslim atau sekurang-kurangnya melemahkan jati diri Muslim dan menggugat keharmonian masyarakat Muslim itu sendiri. Hanya mereka yang mempunyai asas akidah yang kuat sahaja tidak mudah terpedaya dan dapat menangkis serta mempertahankan akidah yang sebenar.

Justeru, dalam usaha memperkukuhkan fahaman akidah yang tepat bagi umat Islam semasa, maka prinsip akidah yang dikemukakan oleh salah seorang tokoh *salaf* seperti Imam Abū Ḥanīfah (m.150H/767M) adalah lebih utama diketengahkan. Ini disebabkan beliau merupakan ilmuwan terkemuka dalam pelbagai lapangan ilmu termasuk disiplin akidah dan fiqh. Pemikiran dan idea yang beliau sampaikan juga telah terbukti kebenarannya seterusnya diiktiraf serta disebarluaskan oleh sarjana-sarjana Muslim terkemudian.

Oleh yang demikian, makalah ini mengetengahkan salah satu risalah utama beliau dalam persoalan akidah, iaitu *Waṣīyyah*. Risalah ini menggariskan sebanyak dua belas prinsip akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang perlu dilazimi oleh semua umat Islam supaya mereka sentiasa berada dalam golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan tidak terperangkap dengan golongan pelaku

bid'ah ataupun pengikut hawa nafsu. Seterusnya satu terjemahan Melayu terhadap teks asal risalah tersebut dikemukakan pada akhir makalah ini. Terjemahan ini penting memandangkan risalah ini belum lagi diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Melalui pengenalan dan terjemahan yang dimuatkan dalam makalah ini diharapkan ia dapat memberi manfaat kepada umat Islam dan menjadi sumber kepada beberapa kajian lanjutan dalam topik yang berkaitan kelak.

Pengenalan Ringkas Imām Abū Ḥanīfah

Abū Ḥanīfah (m.150H/767M) ialah al-Nu'mān bin Thābit bin Zuṭa bin Māh al-Taymī al-Kūfī, atau menurut suatu riwayat lain ialah al-Nu'mān bin Thābit bin al-Nu'mān bin al-Marzubān. Kebanyakan sarjana Islam berpendapat bahawa beliau lahir pada tahun 80H/699M, semasa zaman khalifah 'Abd al-Mālik bin Marwān dan meninggal dunia di Baghdad pada tahun 150H/767M, ketika berumur 70 tahun.¹ Beliau meninggalkan banyak sumbangan asli kepada dunia Islam melalui dua puluh tiga karya yang merangkumi pelbagai bidang,² seperti *al-Ālim wa al-*

¹ Biografi Imam Abū Ḥanīfah berserta pelbagai rujukan berkaitan sama ada karangan sarjana Islam terdahulu mahupun sekarang telah dikemukakan oleh penulis dalam beberapa makalah yang diterbitkan sebelum ini. Oleh itu, dalam makalah ini penulis hanya menyatakan latar belakang beliau secara ringkas sahaja sebagai pengenalan umum. Untuk maklumat lanjut lihat, Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah dalam Kitab *al-Ālim wa al-Muta'allim*", *AFKAR* 11 (2010), 129-166; Mohd Anuar Mamat, "Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan", *Jurnal Usuluddin* 37 (2013), 1-32.

² Lihat senarai karya beliau dalam, Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya'qūb Ishāq al-Nadīm, *al-Fihrist*, taḥqīq Yūsuf 'Alī Ṭawīl (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 343; Ḥajī Khalīfah, Muṣṭafā bin 'Abd Allāh, *Kashf al-Zunūn* (Kaherah: Dār al-Fikr, 1982), 1437; al-Baghdādī al-Bābānī, Ismā'īl Bāshā, *Hadiyyah al-'Arifin: Asmā' al-Mu'allafin wa Āthār al-Muṣannafin*, jil.2 (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 495; Carl Brockelmann, *Tārīkh al-Ādab al-'Arabī*,

Muta'allim,³ *al-Fiqh al-Akbar*,⁴ *al-Fiqh al-Absaṭ*,⁵ dan beberapa siri *Waṣiyyah*.⁶ Mengenai kesahihan penisbahan kesemua karya tersebut ia ditegaskan oleh sejumlah ulama

terj. Maḥmūd Fahmī Hījāzī (Kaherah: Hai'ah al-Miṣriyyah al-
'Āmmah li al-Kitāb, 1993), 252; Sezgin, Fuat, *Tārīkh al-Turāth al-
'Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Hījāzī, jil.1, juzu' 3 (t.t.p: Idārah al-
Thāqafah wa al-Nashr bi al-Jāmi'ah, 1983), 32.

³ Mengenai kitab ini lihat, Mohd Anuar Mamat, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Menurut Abu Hanifah al-Nu'man (m.150H/767M): Suntungan Ilmiah Kitab *al-Ālim wa al-Muta'allim*, Terjemahan dan Analisis" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012). Lihat juga, Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah", 129-166.

⁴ Kitab ini diriwayatkan oleh anak beliau Hammād. Ia bermula dengan penerangan mengenai asal atau asas ilmu tauhid. Kitab ini dikenali juga dengan tajuk *al-Radd 'Alā al-Qadariyyah*. Kitab ini adalah kitab akidah Abū Ḥanīfah yang paling masyhur dan dihuraikan oleh ramai sarjana Islam seperti Mulla 'Alī al-Qārī, Muḥammad bin Bahā' al-Dīn dan sebagainya. Untuk maklumat dan sedikit ulasan terhadap kitab ini lihat, Abū Ḥanīfah, "al-Fiqh al-Akbar," dalam *Al-Ālim wa al-Muta'allim*, taḥqīq Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī, (Miṣr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 62-67; Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 37; Muḥammad Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah: Ḥayātuhū, wa 'Aṣruhū wa Ārā'uhū wa Fiqhuhū* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.), 166; Iblāgh, 'Ināyat Allāh, *al-Imām al-'Aẓam Abū Ḥanīfah al-Mutakallim*, (t.t.p.: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1971), 100-108; H. A. R Gibb dan J. H. Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam* (Leiden: E. J. Brill, 1974), 10. Lihat juga, A.J. Wenstick, *The Muslim Creed: Its Genesis and Historical Development* (London: Frank Crass & Co. Ltd, 1965), 102-124.

⁵ Kitab ini juga dikenali dengan nama *al-Fiqh al-Akbar II*. Ia diriwayatkan oleh Abū Muṭī' al-Ḥakam bin 'Abd Allāh bin Salamah al-Balkhī. Kitab ini telah dihuraikan oleh beberapa sarjana Islam antaranya Abū al-Layth al-Samarqandī. Untuk maklumat dan sedikit ulasan terhadap kitab ini lihat, Brockelmann, *Tārīkh al-Adab*, 258; Sezgin, *ibid.*, 41; Lihat juga, Wenstick, *The Muslim Creed*, 187-247; Hans Daiber, *The Islamic Concept of Belief in the 4th/10th Century: Abū al-Layth al-Samarqandī's Commentary on Abū Ḥanīfah al-Fiqh al-Absaṭ, Introduction, Text and Commentary* (Japan: Tokyo University of Foreign Studies, 1995).

⁶ Mengenai siri *Waṣiyyah* ini penulis akan jelaskan pada bahagian pengenalan kitab yang dibincangkan selepas ini.

seperti al-Isfarāyīnī (m.471H/1078M) dan Ḥāfiẓ al-Dīn bin Muḥammad al-Kurdarī (m.827H/1423M). Al-Isfarāyīnī umpamanya mengatakan bahawa periwayatan karya-karya tersebut adalah boleh dipercayai (*thiqah*), dengan jalan yang yakin dan rantaian sanad yang tepat (*ṣaḥīḥ*).⁷

Di samping karya yang dihasilkan, Abū Ḥanīfah juga mempunyai murid yang begitu ramai sehingga mencecah 4000 orang.⁸ Antara murid beliau yang terawal dan terkenal ialah Zufar bin al-Hudhayl (m.158H/774M),⁹

⁷ Abū al-Muzfir al-Isfarāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an Firqah al-Hālikīn*, taḥqīq Muḥammad Zāhid bin al-Ḥasan al-Kawtharī (t.t.p: Matba'ah al-Anwār, 1940), 113-114.

⁸ Abu al-Wafā al-Qurashī, 'Abd al-Qādir bin Abī al-Wafā Muḥammad bin Nuṣr Allāh bin Sālim, *al-Jawāhir al-Muḍīyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanaḥfiyyah* (Karachi: Miz Kutub Khanah Aram Bagh, t.t.), 28; al-Tamīmī al-Dārī, Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Ḥanaḥfiyyah*, taḥqīq 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Hilw (Riyadh: Dār al-Rifa'ī, 1983), 96.

⁹ Beliau ialah murid Abū Ḥanīfah yang paling tua berbanding Abū Yūsuf dan Muḥammad. Bapa beliau berasal daripada keturunan Arab manakala ibunya berasal daripada keturunan Parsi, gelaran beliau ialah al-Anbarī. Beliau pakar dalam *qiyās* dan menjadi pengganti Abū Ḥanīfah selepas kewafatannya. Untuk maklumat lanjut dan pengiktirafan beliau sebagai murid Abū Ḥanīfah lihat, Abū 'Abdillāh Ḥusayn bin 'Alī al-Ṣaymarī, *Akhbār Abī Ḥanīfah wa Ashābuh*, cet. ke-2 (t.tp.: 'Alam al-Kutub, 1985), 109-113; Abu Yūsuf bin 'Abd Allāh bin 'Abd al-Barr al-Namīrī, *al-Intiqā' fī Faḍā'il al-Thalāthah al-'Immah al-Fuqahā'* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 173; al-Mubārak bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Shaybānī, *al-Mukhtar min Manāqib al-Akhyār li Ibn Athīr*, ed. Ma'mūn al-Ṣāghirjī, 'Adnān 'Abd Rabbih dan Muḥammad Adīb al-Jādir (UEA: Markaz Zāyid li al-Turāth wa al-Tārīkh, 2003), 88; Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl*, ed. Bashshār 'Iwād Ma'rūf, jil. 29 (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2002), 420; Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī, *Siyar al-A'lām al-Nubalā'*, ed. Shu'ayb al-Arnaut & Ḥusayn Asad, jil. 6, cet. ke-11 (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 1996), 393; Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Shihāb al-Dīn al-'Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, semakan Ibrāhīm Zaybāq dan 'Adil Murshid, jil. 4 (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2001), 229; Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī al-Bakr al-

`Abd Allāh bin Mubārak (m.175H/791M),<sup>10</sup> Ya`qūb bin
Ibrāhīm bin Ḥabīb al-Anṣārī (m.182H/798M),¹¹

Suyūṭī, *Tabyīḍ al-Ṣaḥīfah fī Manāqib al-Imām Abū Ḥanīfah*, (Halab: Dār al-Wa'y, 2007), 21; al-Kīrānawī, Aḥmad, *Abū Ḥanīfah wa Aṣḥābuh* (Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.), 104-106; Muḥammad Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 217-218; al-Albānī, *Abū Ḥanīfah*, 57; Schacht, *Abū Ḥanīfah al-Nu'mān*, 124.

¹⁰ Beliau ialah Abū `Abd al-Raḥmān al-Hanzalī al-Marūzī, bapa beliau berasal daripada Turki dan ibunya berasal daripada Khawārizm. Beliau dilahirkan pada tahun 118H atau 117H dan meninggal dunia pada tahun 175H. Beliau merupakan salah seorang murid Abū Ḥanīfah dan sarjana Islam terkenal dalam bidang hadis dan fiqh. Untuk maklumat lanjut dan pengiktirafan beliau sebagai murid Abū Ḥanīfah lihat, `Abd al-Raḥmān bin Abū Ḥātim Muḥammad bin Idrīs al-Rāzī, *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, ed. Muṣṭafā `Abd al-Qādir `Aṭā, jil. 8 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 514; al-Ṣaymarī, *ibid.*, 139-142; al-Shaybānī, *ibid.*, 88; Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr ibn Khallikān, *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, ed. Ihsān `Abbās, jil. 3 (Beirut: Dār al-Thaqāfah, 1969), 32-34; al-Mizzī, *ibid.*, 420; al-Dhahabī, *Siyar*, jil. 8, 378-421; `Abd Allāh bin As'ad bin `Alī bin Sulaymān al-Yāfi'ī, *Mir'āt al-Jinān wa 'Ibrāt al-Yaqazān fī Ma'rīfat ma Yu'tabar min Ḥawāḍith al-Zamān*, ed. Khalīl Maṣṣūr, jil. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 243; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *ibid.*, 21.

¹¹ Beliau dikenali dan lebih masyhur dengan gelaran al-Qāḍī Abū Yūsuf. Beliau berasal daripada Anṣār, berketurunan Arab dan menetap serta membesar di Kūfah. Beliau lahir pada tahun 113H dan meninggal dunia pada tahun 182H. Beliau banyak mengarang dan menukulkan pendapat Abū Ḥanīfah melalui beberapa buah kitab beliau seperti *al-Kharāj*, *al-Āthār*, *Ikhtilāf Abī Ḥanīfah wa Ibn Laylā* dan *al-Radd 'Alā Siyar al-Awzā'ī*. Beliau pakar dalam bidang ilmu sejarah ('*ilm al-akhbār*). Untuk maklumat lanjut dan pengiktirafan beliau sebagai murid Abū Ḥanīfah lihat, al-Ṣaymarī, *ibid.*, 97-107; Ibn `Abd al-Barr al-Namīrī, *al-Intiqā'*, 172; al-Shaybānī, *ibid.*, 88; Ibn Khallikān, *ibid.*, 406; al-Mizzī, *ibid.*, 422; al-Dhahabī, *Siyar*, 394; al-Yāfi'ī, *ibid.*, 243; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *ibid.*, 22; Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Tahdhīb*, 229; al-Tamīmī al-Dārī, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah*, 96. Lihat juga, al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid, *Ḥusn al-Taqāḍī fī Sīrah al-Imām Abī Yūsuf al-Qāḍī*, (Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2002); Muḥammad Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 195-205; Schacht, *Abū Ḥanīfah al-Nu'mān*, 124.

Muhammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī (m.189H/804M),¹² al-Ḥakam bin `Abdullah bin Salamah al-Balkhī (m.197H/812M),¹³ al-Ḥasan bin Ziyād al-Lu'lu'ī al-Kūfī (m.204H/819M),¹⁴ dan Ḥafṣ bin Salam al-Samarqandī (m.208H/823M).¹⁵

¹² Beliau ialah Muhammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī, digelar dengan Abū `Abd Allāh dan dinasabkan kepada Shaybān disebabkan *walā`* bukannya nasab yang sebenar. Beliau lahir pada 132H dan meninggal dunia pada 189H. Semasa Abū Ḥanīfah meninggal dunia beliau berumur 18 tahun dan kemudiannya mendalami fiqh dengan Abū Yūsuf, selain itu beliau juga belajar dengan al-Thawrī, al-Awza'ī dan juga Imām Mālik. Antara karya beliau ialah *Kitāb al-Mabsūt*, *al-Jāmi` al-Ṣaghīr*, *al-Jāmi` al-Kabīr*, *al-Siyar al-Ṣaghīr*, *al-Siyar al-Kabīr*, *Kitāb al-Ziyādāt* dan *Kitāb Zāhir al-Riwāyah*. Beliau juga terkenal dengan kebijaksanaan, mahir dalam ilmu *`Irāb*, Nahu dan matematik (*ḥisāb*). Untuk maklumat lanjut dan pengiktirafan beliau sebagai murid Abū Ḥanīfah lihat, al-Ṣaymarī, *ibid.*, 125-133; Ibn `Abd al-Barr al-Namīrī, *ibid.*, 174; Ibn Khallikān, *ibid.*, 406; al-Mizzī, *ibid.*, 421; al-Dhahabī, *ibid.*, 393; al-Yāfi'ī, *ibid.*, 243; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *ibid.*, 22; Ibn al-Ḥannā'ī, *Ṭabaqāt*, 99. Lihat juga, al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid, *Bulūgh al-Amānī fi Sīrah al-Imām Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī* (Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 1999).

¹³ Beliau ialah al-Ḥakam bin `Abdullah bin Salamah bin `Abd al-Rahmān, dikenali sebagai Abū Muṭī' al-Balkhī. Beliau merupakan salah seorang murid Abū Ḥanīfah yang meriwayatkan kitab *al-Fiqh al-Akbar II* dan juga salah seorang nama yang tercatat dalam rantaian perawi kitab *al-`Ālim wa al-Muta'allim*. Beliau meninggal dunia pada tahun 197H ketika berumur 84 tahun. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau lihat, al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin `Uthmān, *Mizān al-`Itidāl fi Naqd al-Rijāl*, taḥqīq `Alī Muḥammad al-Bajāwī, jil.1 (Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.), 574; al-Kurdarī, *Manāqib*, 515; Quṭlubaghā, Zayn al-Dīn, *Tāj al-Tarājum fi Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah* (Baghdad: Maṭba'ah al-`Ānī, 1963), 87.

¹⁴ Beliau ialah antara murid Abū Ḥanīfah yang masyhur dalam meriwayatkan pendapat Abū Ḥanīfah. Beliau pernah dilantik sebagai Qāḍī di Kūfah pada tahun 194H. Antara karya beliau ialah *Kitāb al-Mujarrad*, *Kitāb Adab al-Qāḍī*, *Kitāb al-Khiṣāl*, *Kitāb Ma'ānī al-Īmān*, *Kitāb al-Nafaqāt*, *Kitāb al-Kharāj*, *Kitāb al-Farāid*, *Kitāb al-Waṣāyā* dan *Kitāb al-Amālī*. Beliau pakar dalam ilmu pertanyaan dan cabangan masalah (*al-su'āl wa al-tafrī'*). Lihat, al-Mizzī,

Ketokohan Abū Ḥanīfah dalam Bidang Akidah

Antara disiplin ilmu yang berkembang pesat pada zaman Abū Ḥanīfah ialah ilmu berkaitan persoalan akidah. Di samping beliau terlibat dalam pelbagai lapangan ilmu seperti fiqh dan tafsir, Abū Ḥanīfah juga diiktiraf sebagai ulama' yang berpengaruh dalam bidang akidah. Hal ini disebabkan bahawa pada zaman tersebut terdapat ramai para ulama' yang mewarisi ilmu secara langsung daripada para Sahabat dan sebahagian mereka merupakan guru Abū Ḥanīfah. Menjelaskan lagi hal ini, Abū Ḥanīfah menggambarkan bahawa di Kufah merupakan seolah-olah terdapat suatu gedung ilmu yang besar dan bernilai, maka beliau pula mendapatkan manfaat daripadanya dengan melazimi pengajaran para ulama' di sana.¹⁶

Ketokohan Abū Ḥanīfah dalam persoalan akidah terbukti dengan penghasilan sejumlah karya dan keunggulan pemikiran beliau dalam bidang tersebut.¹⁷ Sebagaimana yang dikemukakan pada perbincangan lepas, beliau menghasilkan sejumlah karya berkaitan akidah seperti *Fiqh Akbar*, *Fiqh Absaṭ* dan *Waṣiyyah*. Kitab-kitab tersebut merupakan antara kitab terawal yang direkodkan

Tahdhīb, 420; al-Dhahabī, *Siyar*, 393; Muḥammad Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 218-219; Schacht, *Abū Ḥanīfa al-Nu'mān*, 124.

¹⁵ Beliau ialah Ḥafṣ bin Salam al-Samarqandī, dikenali juga dengan gelaran Abū Muqātil. Beliau berasal daripada Samarqand dan merupakan antara murid Abū Ḥanīfah yang banyak meriwayatkan pendapatnya, khususnya kitab *al-ʿĀlim wa al-Muta'allim*. Beliau meninggal dunia pada tahun 208H dan sempat hidup pada zaman pemerintahan al-Ma'mūn. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang dan pengiktirafan beliau sebagai murid Abū Ḥanīfah lihat, al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 224-5; al-Mizzī, *Tahdhīb*, 422; al-Dhahabī, *Siyar*, 394; Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Lisān al-Mizān*, ed. Ishrāf Muḥammad Ibn ʿAbd Raḥmān al-Marʿishlī, jil.2 (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī, 1995), 598.

¹⁶ Al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 52.

¹⁷ Muḥammad Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 23. Untuk melihat pemikiran beliau dalam bidang akidah lihat kitabnya *al-Fiqh al-Akbar*, *al-Fiqh al-Absaṭ* dan *Waṣiyyah*. Lihat juga perbincangan mengenai pemikiran akidah beliau dalam Iblāgh, *al-Imām al-A'zam*.

dalam bidang ini dan ia kemudiannya dihuraikan oleh ramai para sarjana terkemudian. Sebagai contohnya, kitab *Fiqh Akbar* telah dihuraikan oleh Akmal al-Dīn al-Bābartī, Abū al-Muntahā al-Maghniṣawī dan Mullā `Alī al-Qārī.¹⁸

Selain itu, terdapat juga para ulama' yang mengembangkan lagi dasar akidah yang dijelaskan oleh Abū Ḥanīfah, antaranya Abū Ja`far al-Ṭaḥāwī. Beliau menamakan kitabnya *Bayān `Itiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah `Alā Madhhab Fuqahā' al-Millāh Abī Ḥanīfah wa Abī Yūsuf wa Muḥammad bin al-Ḥasan*, dan juga dikenali sebagai kitab *`Aqīdah al-Ṭaḥāwī*. Selain itu, menurut ahli sejarah, beliau selalu bermusafir ke Basrah, iaitu sebanyak dua puluh dua kali dan bermukim di sana selama setahun untuk mempertahankan akidah dan berdebat dengan aliran yang terpesong menggunakan hujah yang bernas.¹⁹

Ketokohan beliau dalam bidang akidah juga jelas apabila Abū Ḥanīfah merangka metodologi tersendiri dalam membahaskan isu-isu yang timbul.²⁰ Ināyat Allāh Iblāgh dalam kajiannya menegaskan bahawa Abū Ḥanīfah mengasaskan dasar-dasar pemikiran dalam bidang akidah selepas mengkaji dan memahami secara mendalam terhadap dalil-dalil (*nuṣūṣ*) serta meneliti hujah pelbagai aliran pada zamannya.²¹ Antaranya riwayat yang menjelaskan pemikiran akidah beliau ialah, Nūḥ bin Ibn Abī Maryam pernah berkata:

Aku bertanya kepada Abū Ḥanīfah: Siapakah ahli al-Jamā`ah? Beliau berkata: Mereka yang tidak membahaskan (*yanzur*) zat Allah `azza wa jalla, tidak mengkafirkan seseorang dengan sebab dosa yang dilakukan, mengutamakan

¹⁸ Fuat Sezgin menukilkan sebanyak 15 huraian kepada kitab ini, ada yang telah dicetak dan ada yang masih lagi berstatus manuskrip. Lihat, Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 38-41.

¹⁹ Al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 54-55.

²⁰ Iblāgh, *al-Imām al-A`zam*, 94.

²¹ *Ibid*.

Abū Bakr dan `Umar, mengakui perlantikan `Alī dan `Uthmān (sebagai khalifah), tidak mengharamkan *nabīdh* yang baru diperah (*nabīdh al-jarr*), dan mengakui harusnya menyapu dua *khuf* [ketika berwudu'].²²

Begitu juga, Yahyā bin Nuṣr berkata:

Adalah Abū Ḥanīfah mengutamakan Abū Bakr dan `Umar, beliau menyintai `Alī dan `Uthmān, beriman kepada qadar, tidak membahaskan tentang permasalahan qadar, beliau menyapu ke atas dua *khuf*, dan beliau adalah manusia paling alim dan bertaqwa pada zamannya.²³

Ketokohan Abū Ḥanīfah dalam bidang akidah juga terserlah dengan kemampuan beliau menilai dan memberi kritikan terhadap seseorang yang terlibat dalam aliran yang terpesong. Beliau mendedahkan kekeliruan mereka dan menasihatkan orang lain supaya menjauhi daripada terlibat dengan kegiatan mereka. Dalam beberapa riwayat, Abū Ḥanīfah mengkritik Jahm bin Ṣafwān, `Amrū bin `Ubayd dan Muqātil bin Sulaymān yang mana mereka bertindak mengelirukan persoalan akidah yang sedia disepakati oleh para ulama'. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah berkata:

Allah memerangi Jahm bin Ṣafwān dan Muqātil bin Sulaymān kerana salah seorangnya (Jahm) menafikan sifat Allah (*ta`īl*) dan seorang lagi (Muqātil) menyerupakan Allah dengan makhluk (*tashbīh*).²⁴

²² Ibn 'Abd al-Barr al-Namīrī, *al-Intiqā'*, 163.

²³ Al-Tamīmī al-Dārī, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah*, 110; Ibn 'Abd al-Barr al-Namīrī, *al-Intiqā'*, 163.

²⁴ Abū al-Wafā al-Qurashī, *al-Jawāhir al-Muḍīyyah*, 31; al-Tamīmī al-Dārī, *al-Intiqā'*, 97.

Mengenai `Amrū bin `Ubayd pula, Muḥammad bin al-Ḥasan meriwayatkan:

Abū Ḥanīfah berkata: Allah melaknat `Amrū bin `Ubayd, kerana dia telah membuka perbahasan ilmu Kalām yang sia-sia kepada manusia.²⁵

Selain itu, ketokohan Abū Ḥanīfah dalam akidah juga terserlah dengan kehebatan beliau berdebat dan memuaskan hati lawannya menggunakan dalil wahyu dan akal. Mereka yang berdebat dengan beliau tunduk dan kembali bertaubat terhadap anggapan yang salah mengenai akidah Islam. Beliau menggunakan gaya perdebatan yang menggabungkan dalil-dalil wahyu serta akal sehingga dapat diterima dan memuaskan pihak lawan. Beliau juga menggunakan metode perbandingan dan contoh yang jelas dalam menerangkan persoalan tersebut. Antara contoh perdebatan beliau ialah sebagaimana yang dikeluarkan al-Khaṭīb al-Baghdādī (m.463H/1070M) bahawa Muḥammad bin `Abd al-Raḥmān berkata:

Terdapat seorang lelaki di Kufah mengatakan `Uthmān bin `Affān adalah seorang Yahudi, maka Abū Ḥanīfah datang menemuinya seraya berkata: Aku datang ingin meminang anak perempuan kamu. Dia bertanya: Untuk siapa? Abū Ḥanīfah menjawab: Untuk seorang lelaki yang mulia, kaya, menghafaz Kitab Allah, selalu bangun malam dan banyak menangis kerana takut kepada Allah. Dia berkata: Selain daripada itu, wahai Abū Ḥanīfah? Abū Ḥanīfah menjawab: Ada sesuatu tentangnya. Dia bertanya: Apa dia? Abū Ḥanīfah menjawab: Dia adalah seorang Yahudi. Dia terkejut dan berkata: *Subḥāna Allāh*, kamu menyuruh aku kahwinkan anakku dengan seorang Yahudi?

²⁵ *Ibid.*

Abū Ḥanīfah berkata: Tidak bolehkah kamu berbuat sebegitu? Dia menjawab: Mana boleh. Abū Ḥanīfah berkata: Maka Nabi s.a.w. telah mengahwinkan anaknya dengan seorang 'Yahudi' (iaitu `Uthmān bin `Affān sebagaimana yang didakwa). Lelaki tersebut berkata: Aku memohon ampun kepada Allah, sesungguhnya aku ingin bertaubat kepada Allah kerana beranggapan bahawa `Uthmān bin `Affān seorang Yahudi.²⁶

Begitu juga riwayat yang dikemukakan oleh al-Muwaffaq al-Makki (m.568H), beliau menceritakan apabila sampai berita kepada puak *Khawārij* bahawa Abū Ḥanīfah tidak mengkafirkan mereka yang melakukan dosa besar, maka segolongan daripada puak tersebut datang menyerbu Abū Ḥanīfah. Mereka berdebat mengenai dua orang Islam yang meninggal dunia setelah melakukan dosa besar. Ḥammād bin Abi Ḥanīfah mengatakan:

Abū Ḥanīfah berkata: Mereka (segolongan daripada puak *Khawārij*) bertanya kepada aku: Pada hadapan pintu masjid ini terdapat dua jenazah. Pertama, jenazah seorang lelaki yang terlampau banyak minum arak sehingga meninggal dunia, kedua jenazah perempuan yang melakukan zina dan menggantung diri dengan tali sehingga mati (membunuh diri). Maka Abū Ḥanīfah bertanya kepada mereka: Jenazah ini daripada agama mana? Adakah mereka Yahūdī? Mereka menjawab: Tidak. Beliau (Abū Ḥanīfah) bertanya lagi: Adakah mereka Naṣrānī? Mereka menjawab: Tidak. Beliau bertanya lagi: Adakah mereka Majūsī?

²⁶ Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī, *Tārīkh Baghdād*, taḥqīq Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭā, jil.13 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 361-362; al-Tamīmī al-Dārī, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah*, 111-112.

Mereka menjawab: Tidak. Maka beliau bertanya lagi: Habis, mereka berdua daripada agama mana? Mereka menjawab: Mereka daripada agama yang bersaksi bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan bersaksi bahawa Nabi Muḥammad adalah hamba dan pesuruh Allah. Abū Ḥanīfah berkata: Beritahu aku tentang *shahādah* itu, berapakah pecahan daripada iman?; satu pertiga, satu perempat atau satu perlima iman. Mereka berkata: Iman tidak mempunyai pecahan sama ada sepertiga, seperempat atau satu perlima. Abū Ḥanīfah bertanya: [Jadi], berapakah iman itu? Mereka menjawab: Iman ialah semuanya. Maka Abū Ḥanīfah berkata: Apa lagi yang kamu ingin tanyakan sedangkan kamu semua mengakui bahawa mereka (jenazah) ini daripada orang yang beriman dengan sebab *shahādah*. Mereka berkata: Kita abaikan soalan tadi, adakah mereka (jenazah) ini daripada ahli syurga ataupun neraka? Abū Ḥanīfah berkata: Jika kamu enggan mempercayainya, aku berkata kepada keduanya sebagaimana kata-kata Nabi Ibrāhīm kepada kaumnya yang mana kaumnya melakukan dosa yang lebih besar daripada ini, [sepertimana dalam Surah Ibrāhīm, 14: 36] iaitu:

فَمَنْ تَبِعْنِي فَإِنَّهُ مِنِّي ۖ وَمَنْ عَصَانِي فَإِنَّكَ غَافِرٌ

رَحِيمٌ

Oleh itu, sesiapa yang menurutku maka dia adalah dari golonganku; dan sesiapa yang menderhaka kepada aku, maka sesungguhnya

Engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Juga aku berkata kepada kedua-dua mereka sebagaimana kata-kata Nabi 'Isā kepada kaumnya yang melakukan dosa lebih besar daripada mereka berdua, [sepertimana dalam Surah al-Mā'idah, 5: 118] iaitu:

إِنْ تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ وَإِن تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ

الْغَفُورُ الْحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

Jika Engkau menyiksa mereka, sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu, dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Juga aku berkata kepada kedua-dua mereka sebagaimana kata-kata Nabi Nūh, [sepertimana dalam Surah Shu'arā', 26: 111-113] iaitu:

﴿ قَالُوا أَنْتُمْ لَكُمْ وَاتَّبَعَكَ الْأَرْذَلُونَ ﴾ قَالَ وَمَا

عِلْمِي بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١١٢﴾ إِنَّ حِسَابَهُمْ إِلَّا

عَلَى رَبِّي لَوْ تَشْعُرُونَ ﴿١١٣﴾

Mereka menjawab: Patutkah kami percaya kepadaMu, sedang Engkau semata-mata diikut oleh orang-orang yang rendah? Nabi Nūh berkata: Dan apakah ada kaitannya pengetahuanku dengan (pangkat dan) pekerjaan mereka? Sebenarnya hitungan amal mereka hanya terserah kepada Tuhanku; kalaulah kamu menyedari dan memahaminya.

Maka mereka pun mencampakkan senjata dan berkata: Kami berlepas diri daripada anutan kami sebelum ini, dan agama Allah ialah anutan yang kamu ikuti, sesungguhnya Allah memberikan kepada kami kelebihan, kebijaksanaan dan ilmu. Abū Ḥanīfah berkata: Mereka keluar dan meninggalkan golongan *Khawārij* serta kembali kepada aliran *al-Jamā`ah*.²⁷

Kesimpulannya, berdasarkan riwayat-riwayat yang dinukilkan jelas menunjukkan ketokohan Abū Ḥanīfah dalam bidang akidah. Beliau membawa perspektif baru dalam menangani permasalahan yang timbul pada zamannya. Beliau juga mempraktikkan metode yang unggul dalam berdebat dalam bidang akidah sehingga dapat memuaskan golongan yang terpesong daripada landasan yang sebenar. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa ketokohan dan kefahaman beliau sangat mendalam dalam bidang akidah. Oleh yang demikian, satu keperluan untuk dikemukakan terjemahan terhadap karya akidah yang beliau hasilkan. Ia merupakan hasil daripada kefahaman Abū Ḥanīfah untuk dijadikan sumber dan teladan kepada masyarakat moden dewasa ini dalam menghadapi cabaran akidah semasa.

Waṣiyyah sebagai Karya Akidah Abū Ḥanīfah

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa Abū Ḥanīfah mempunyai dua puluh tiga kitab yang dinisbahkan kepada beliau. Antaranya beberapa siri *Waṣiyyah* Abū Ḥanīfah, iaitu *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Hammād*, *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah ilā Tilmīdhihī Yūsuf bin Khālīd al-Samī al-Baṣrī* dan *Waṣiyyah ilā al-Qādī Abī Yūsuf*. Kesemua wasiat tersebut merupakan untaian nasihat beliau kepada anak dan pelajarnya. Kandungannya agak berbeza dengan *Waṣiyyah* yang akan

²⁷ Al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 108-109.

dibincangkan dalam makalah ini. *Waṣiyyah* ini membincangkan persoalan akidah dan prinsip-prinsip *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* berbanding wasiat yang lain adalah merupakan nasihat Abū Ḥanīfah kepada para pelajarnya setelah tamat pengajian.

Selain daripada dikenali dengan nama *Waṣiyyah*, ia juga dikenali dengan beberapa nama yang lain, antaranya *Waṣiyyah fī al-Tawḥīd*, *Waṣiyyah fī Maraḍih*, *Waṣiyyah al-Imām al-A'zam 'inda Wafātih Raḥimahu Allāh* dan juga *Risālah al-Nuqirrū*.²⁸ Walaupun wujud pelbagai nama yang berbeza-beza, namun setelah diteliti kandungannya adalah sama khasnya setelah penulis berpeluang melihat manuskrip asal *Waṣiyyah* di Istanbul dan Kaherah. Awalnya *Waṣiyyah* telah dinukilkan sepenuhnya oleh Taqī al-Dīn 'Abd al-Qādir (m.1010H/1601M) dalam karyanya yang bertajuk *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Ḥanaḥiyyah*.²⁹ Setelah itu, 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Maḥmūd pula menyuntingnya semula bersama dua *Waṣiyyah* yang lain iaitu *Waṣiyyah al-Imām ilā Tilmīdhihi Abī Yūsuf* dan *Waṣiyyah ilā 'Uthmān al-Battī*.³⁰ Ia juga turut disunting semula oleh Muḥammad Zāhid al-Kawtharī dan diterbitkan bersama beberapa karya Abū Ḥanīfah yang lain.³¹

Selain itu, *Waṣiyyah* juga telah diterjemah ke dalam bahasa Urdu dan bahasa Inggeris. Edisi terjemahan bahasa Inggeris dihasilkan oleh A.J. Wensick bersama dua karya

²⁸ Nama-nama ini ditemui setelah penulis sendiri meneliti manuskrip-manuskrip karya Abū Ḥanīfah di Suleymaniyye Kutuphansi, Istanbul dan juga Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Kaherah.

²⁹ Al-Tamīmī al-Dārī, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah*, 156-160.

³⁰ Lihat, Abū Ḥanīfah, al-Nu'mān bin Thābit, "Waṣiyyah al-Imām al-A'zam 'inda Wafātih Raḥimahu Allāh," dalam *Waṣiyyah al-Imām Abī Ḥanīfah*, taḥqīq 'Abd Raḥman Ḥasan Maḥmūd (Jamā'izāt: Maktabah al-Ādāb, 1988), 35-46.

³¹ Lihat, Abū Ḥanīfah, al-Nu'mān bin Thābit, "Waṣiyyah," dalam *al-Ālim wa al-Muta'allim*, taḥqīq Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (Miṣr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 76-79.

Abū Ḥanīfah yang lain dalam bukunya yang bertajuk *The Development of Muslim Creed*,³² manakala terjemahan dalam Urdu pula dihasilkan oleh Mufti Rashīd Aḥmad al-ʿAlawī dalam karyanya bertajuk *Imām A'zam Kia Waṣiyyatīn Awr Naṣīḥatīn*.³³

Kandungan *Waṣiyyah* ini amat menarik dan komprehensif mengundang para ulama' selepas Abū Ḥanīfah menghuraikannya. Antara mereka ialah Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Bābartī dalam kitabnya yang bertajuk *Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, Mullā Ḥusayn bin Iskandar al-Ḥanafī, bertajuk *al-Jawāhir al-Munīfah fi Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, Imam al-Ḥuṣūnī, bertajuk *Zuhūr al-ʿAṭiyyah* dan Nūr al-Dīn Ibrāhīm bin Ḥasan Afendi al-Uskudrāwī yang bertajuk *Khulāsah al-Uṣūl*.³⁴ Oleh yang demikian, ini jelas menunjukkan bahawa *Waṣiyyah* merupakan sebuah karya Abū Ḥanīfah yang penting dan mendapat perhatian daripada sarjana Islam.

Mengenai kandungan *Waṣiyyah*, ia terdiri daripada perbincangan yang ringkas dan padat berkaitan prinsip-prinsip *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Abū Ḥanīfah menjelaskan tujuan risalah ini disampaikan pada permulaan risalah tersebut. Beliau mengharapkan dengan adanya wasiat ini, para pelajarnya sentiasa berpegang teguh kepada golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan tidak terjerumus kepada golongan pelaku bid'ah (*mubtadi'*) ataupun pengikut hawa nafsu (*ṣāhib hawā*).

³² Wensick, *The Muslim Creed*, 125-187.

³³ Mufti Rashīd Aḥmad al-ʿAlawī, "Wasiyat Binām Aṣḥāb ʿĀm al-Ma'rūf ʿĀlāmāt Ahl al-Sunnat wa al-Jamā'at," dalam *Imām A'zam Kia Waṣiyyatīn Awr Naṣīḥatīn* (Lahore: Maktabah Dar al-Ma'arif al-ʿAlawiyah, 2005), 83-133.

³⁴ Lihat, Brockelmann, *Tārīkh al-Adab*, 260; Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 46-47; al-Bābartī, Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad, *Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, taḥqīq Muḥammad Ṣubḥī al-ʿĀyidī dan Ḥamzah Muḥammad Wasīm al-Bakrī (Urdun: Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2009), 26.

Seterusnya untuk menjamin mereka berada atas landasan yang tepat, Abū Ḥanīfah merumuskan sebanyak dua belas prinsip umum untuk mengenali golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Antara prinsip dan perkara yang disimpulkan oleh Abū Hanifah dalam *Waṣiyyah* ini ialah:

1. Konsep iman, isu pertambahan dan pengurangan iman, dan hukum melakukan dosa besar.
2. Kategori amalan iaitu *fariḍah*, *faḍīlah* dan *ma'ṣiah*.
3. Persoalan *Istiṡā'*.
4. Al-Quran sebagai percakapan (*kalām*) Allah bukan makhluk.
5. Manusia terbaik selepas Nabi s.a.w.
6. Persoalan perbuatan manusia (*af'āl al-`ibād*).
7. Persoalan rezeki.
8. Persoalan kemampuan manusia (*istiṭā'ah*).
9. Persoalan menyapu dua *khuf*, memendekkan solat (*qasar*) dan berbuka puasa semasa musafir (*rukṣah*).
10. Persoalan *Qalam*.
11. Persoalan azab kubur, syurga, neraka dan surat amalan.
12. Persoalan mengenai kebangkitan, melihat Allah, syafaat dan ahli syurga serta neraka akan kekal.

Teks dan Kaedah Terjemahan

Terjemahan yang baik adalah berdasarkan teks yang diyakini dan tepat sebagaimana yang disampaikan oleh penulisnya. Dalam menyiapkan terjemahan ini, penulis menggunakan teks *Waṣiyyah* yang telah selesai disunting oleh Muḥammad Subḥī al-`Āyidī dan Hamzah Muḥammad Wasīm al-Bakrī yang dicetak bersama *Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*.³⁵ Teks ini telah diterbitkan pada tahun 2009 dengan suntingan yang baik berserta pengenalan yang lengkap.

³⁵ Lihat, Akmal al-Dīn al-Bābartī, *Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, 51-55.

Di samping itu, penulis juga merujuk kepada edisi suntingan `Abd al-Rahmān Ḥasan Maḥmūd dan al-Kawtharī sebagai pelengkap dan perbandingan untuk menjamin kesahan teks tersebut.<sup>36</sup> Penulis mendapati tidak terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua teks dan kandungannya, hanya teks suntingan al-`Āyidī dan al-Bakrī didahului oleh sedikit pengenalan (*muqaddimah*), manakala teks al-Kawtharī terus dimulai dengan prinsip yang pertama. Oleh sebab teks ini telah disunting secara sempurna dan tidak berlaku perbezaan yang ketara antara kedua-dua edisi tersebut maka adalah memadai bagi penulis merujuk kepada teks tersebut untuk proses terjemahan.

Semasa menterjemah teks ini pula, penulis cuba sekadar termampu untuk mengekalkan dan meraikan gaya bahasa asal *Waṣiyyah* tanpa mengabaikan gaya bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, ia membawa sedikit kesulitan kepada penulis khususnya apabila berhadapan dengan keunikan gaya bahasa Arab dan topik perbincangan teks. Kedua-dua unsur ini tidak dinafikan telah mempengaruhi gaya bahasa terjemahan yang dihasilkan ini.

Dari segi susunan dan pembahagian perenggan, terjemahan yang dihasilkan ini sepenuhnya berdasarkan susunan edisi al-`Āyidī dan al-Bakrī. Susunan sebegini bertujuan memudahkan pengkaji lain dan para pembaca merujuk kepada teks asal yang telah disunting oleh mereka. Penulis juga mengisytarkan halaman teks tersebut semasa melakukan terjemahan dengan menggunakan tanda {h. }. Istilah asal yang digunakan oleh Abū Ḥanīfah dalam *Waṣiyyah* ini kadang-kala dikekalkan sekiranya perlu dan ditulis dalam kurungan berbentuk (), manakala kata-kata tambahan yang ditambah oleh penulis bertujuan untuk menjelas dan

³⁶ Lihat, Abū Ḥanīfah, *Waṣiyyah al-Imām al-A'zam 'inda Wafātih Raḥimahu Allāh*, 35-46; Abū Ḥanīfah, *Waṣiyyah*, 76-79.

melengkapkan struktur ayat pula ditulis dalam kurungan berbentuk []. Selain itu, setiap ayat al-Quran dinukilkan dan dinyatakan nama surah, bilangan berserta nombor ayat, manakala terjemahan bahasa Melayu terhadap ayat-ayat tersebut disalin berdasarkan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.³⁷

Terjemahan Teks Waṣiyyah Al-Imām Abī Ḥanīfah

{h.51} Ketahuilah wahai sahabat dan saudaraku bahawa Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* [berdiri] atas dua belas prinsip (*khaslah*). Sesiapa yang kekal mengikuti (*yastaqīm*) prinsip-prinsip ini tidak akan menjadi pembuat bid'ah (*mubtadi'an*) dan tidak akan menjadi pengikut hawa nafsu (*ṣāhib hawā*), maka hendaklah kamu [berpegang] kepada prinsip-prinsip ini supaya kamu mendapat syafaat Nabi Muhammad s.a.w.

Pertama: Iman ialah ikrar dengan lida dan membenarkan dengan hati (*iqrār bi al-lisān wa taṣdīq bi al-jinān*). Ikrar sahaja tidak diiktiraf sebagai beriman, kerana sekiranya [ia] dikira sebagai beriman, nescaya orang munafik semuanya [tergolong dalam golongan] mereka yang beriman. Demikian juga pengenalan (*al-ma'rifah*) semata-mata tidak dikira beriman, ini kerana sekiranya dikira sebagai iman, maka ahli-ahli kitab semuanya [tergolong dalam golongan] orang yang beriman. Allah Ta'ala berfirman dalam menyatakan tentang hakikat orang munafik [sepertimana dalam] surah al-Munāfiqūn, 63: 1:

وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ ﴿١﴾

Terjemahan: Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya orang-orang munafik itu benar-benar merupakan pendusta.

³⁷ Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, c.12, (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2001).

Allah Ta'ala [juga] berfirman dalam menyatakan tentang hakikat ahli kitab [sepertimana dalam] surah al-Baqarah, 2: 146:

الَّذِينَ آتَيْنَهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ
أَبْنَاءَهُمْ...

Terjemahan: Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah kami berikan al-Kitab (Taurat dan Injil), mengenali Muhammad seperti mereka mengenali anak-anak mereka sendiri...

Iman itu tidak bertambah dan tidak berkurang (*lā yazīd wa lā yanqus*), kerana tidak boleh digambarkan (*lā yutaṣawwar*) kekurangannya melainkan dengan bertambahnya kekufuran dan [juga] tidak boleh digambarkan pertambahannya melainkan dengan berkurangnya kekufuran. [Oleh itu,] bagaimana mungkin seseorang itu pada masa yang sama, menjadi orang yang beriman dan orang yang kufur?! [Sedangkan] Orang yang beriman adalah sebenar-benarnya dia beriman (*mu'min ḥaqqan*), manakala orang yang kufur adalah sebenar-benarnya dia kafir (*kāfir ḥaqqan*). [Maka] tiada pada iman [itu sebarang] keraguan (*shakk*) sebagaimana tiada pada kufur [itu sebarang] keraguan (*shakk*), [ini] berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Anfāl, 8: 4:

أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا...

Terjemahan: Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya...

Dan surah al-Nisā', 4: 151:

أُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا...

Terjemahan: Merekalah orang-orang yang kafir sebenar-benarnya...

[Manakala] orang yang melakukan maksiat (*`āṣūn*) dalam kalangan umat Nabi Muhammad s.a.w semuanya adalah beriman dan bukannya [tergolong dalam kalangan] orang-orang yang kufur.

{h.52} Amalan (*al-`amal*) [pula adalah] berlainan (*ghayr*) dengan iman, dan iman [juga] berlainan dengan amalan. [Ini] berdasarkan dalil bahawa pada kebanyakan waktu (*awqāt*), amalan itu [kadang-kadang] diangkat [kewajipannya] daripada mukmin, dan [pada waktu itu] tidak boleh dikatakan: "Iman telah diangkat daripadanya (mukmin tersebut)"; [sebagai contoh] seorang wanita yang [sedang] haid (*al-ḥā'id*) Allah Ta'ala mengangkat [kewajipan] solat daripadanya, [dalam kes ini kita] tidak boleh katakan: "Imannya telah diangkat daripadanya, dan dia diarahkan supaya meninggalkan imannya". [Begitu juga] Allah Ta'ala (*al-shāri'*) berfirman kepadanya (wanita yang sedang haid): "Tinggalkanlah puasa [pada bulan Ramadhan], kemudian gantilah ia [kembali]", dan [situasi ini] tidak boleh [juga kita] katakan [kepadanya]: "Tinggalkanlah iman [kamu] dan kemudian gantilah ia [semula]". [Kita] boleh katakan: "Tidak [diwajibkan] zakat kepada golongan fakir miskin", [namun kita] tidak boleh katakan: "Tidak ada iman bagi golongan fakir miskin".

Semua ketentuan (*taqdīr*) [sama ada] baik atau buruk adalah daripada [keputusan] Allah Ta'ala, jika sekiranya seseorang mendakwa (*za`ama*) bahawa ketentuan yang baik dan buruk itu [adalah keputusan] selain daripada-Nya, maka dia menjadi kufur kepada Allah Ta'ala dan terbatal tauhidnya (akidahnya).

Kedua: Kita mengakui bahawa sesungguhnya amalan itu [terbahagi] kepada tiga [bentuk]; fardhu (*fariḍah*), kelebihan [atau amalan baik] (*faḍīlah*) dan maksiat (*ma`ṣiah*). Maka [amalan yang berbentuk] fardhu

itu adalah berdasarkan suruhan Allah Ta'ala dan [berlaku dengan] kehendak-Nya (*mashī'atihi*), kasih sayang-Nya (*maḥabbatihi*), redha-Nya, ketetapan-Nya (*qadā'ihī*), ketentuan-Nya (*qadarihi*), ciptaan-Nya (*takhlīqihī*), hukum-Nya, pengetahuan-Nya, dorongan-Nya (*tawfīqihī*) dan suratan-Nya [yang tertulis] di *Lūḥ Maḥfūz*.

[Amalan yang berbentuk] kelebihan [atau amalan baik itu] bukanlah suruhan Allah Ta'ala, tetapi [ia berlaku] dengan kehendak-Nya, kasih sayang-Nya, redha-Nya, ketetapan-Nya, ketentuan-Nya, ciptaan-Nya, hukum-Nya, pengetahuan-Nya, dorongan-Nya dan suratan-Nya [yang tertulis] di *Lūḥ Maḥfūz*.

[Manakala] maksiat [pula merupakan juga] bukan suruhan Allah Ta'ala, namun [ia berlaku] dengan kehendak-Nya [tetapi] bukan dengan kasih sayang-Nya, dengan ketetapan-Nya bukan dengan redha-Nya, dengan takdir-Nya bukan dengan dorongan-Nya, dengan kekecewaan-Nya (*khidhlānihi*) dan [ia juga berlaku] dengan pengetahuan-Nya dan suratan-Nya [yang tertulis] di *Lūḥ Maḥfūz*.

Ketiga: Kita mengakui bahawa sesungguhnya Allah Ta'ala beristiwā' di atas 'Arash, tanpa [Dia] berhajat kepada 'Arash dan [tanpa] menetap di atasnya (*istiqrār 'alayh*). Allah Ta'ala lah yang menjaga (*ḥāfiẓ*) 'Arash dan selainnya tanpa [Dia] berhajat [kepadanya]. Jika [Allah Ta'ala] berhajat [kepada sesuatu] (*muḥtāj*), mana mungkin [Allah Ta'ala] mampu menciptakan alam ini dan mentadbirnya sepertimana makhluk-makhluk [yang berhajat kepada sesuatu dan tidak mampu mencipta dan mentadbir alam ini]. [Manakala] jika [Allah Ta'ala] berhajat [pula] kepada duduk (*al-julūs*) dan menetap (*al-qarār*) [di atas 'Arash], maka sebelum penciptaan 'Arash, di manakah [Allah Ta'ala]? Maha Tinggi Allah daripada yang demikian itu (iaitu berhajat kepada duduk dan menetap di atas 'Arash) [dengan sifatNya yang Maha Tinggi dan Maha Besar].

{h.53} **Keempat:** Kita mengakui bahawa sesungguhnya al-Qur'an adalah kalam Allah Ta'ala yang bukan makhluk dan [ia merupakan] wahyu-Nya dan tanzilan-Nya, [ia] bukannya Allah Ta'ala dan [juga] bukannya lain daripada-Nya (*lā huwa wa lā ghayruhu*), bahkan ia merupakan sifat-Nya yang jelas (*`alā al-tahqīq*), ia ditulis dalam mushaf, dibaca dengan lisan, dihafal di dada tanpa ada gangguan padanya (*ghayr hāll fihā*). Dakwat, kertas (*al-ḥibr wa al-kāghad*) dan tulisan semuanya adalah makhluk kerana ia merupakan [hasil dari] perbuatan manusia (*af`āl al-`ibād*) [sedangkan] kalam Allah Ta'ala bukannya makhluk. Ini kerana tulisan, huruf, perkataan dan ayat merupakan petunjuk (*dilālah*) kepada al-Qur'an disebabkan hamba (manusia) berhajat kepadanya. Kalam Allah Ta'ala itu berdiri pada zat-Nya (*qā'im bi dhātihi*), dan maknanya [pula] difahami melalui perkara-perkara ini (melalui tulisan, huruf, perkataan dan ayat). Maka sesiapa yang mendakwa bahawa kalam Allah Ta'ala adalah makhluk, maka dia kufur kepada Allah Ta'ala yang Maha Agung. Allah Ta'ala [merupakan Tuhan] yang disembah (*ma'būd*) dan kekal selamanya, kalam-Nya dibaca, ditulis dan dihafal tanpa hilang dan berlaku perubahan (*muzāyilah `anhu*).

Kelima: Kita mengakui bahawa sesungguhnya sebaik-baik manusia bagi umat ini selepas Nabi Muḥammad s.a.w. ialah Abū Bakar al-Ṣiddīq, kemudian `Umar, kemudian `Uthmān, kemudian `Ali r.a. berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Wāqī'ah, 56: 10-12:

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ ﴿٥٦﴾ أُولَٰئِكَ الْمُقَرَّبُونَ ﴿٥٧﴾

جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٥٨﴾

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman paling dahulu. Mereka itulah yang didekatkan

kepada Allah. Mereka berada dalam syurga yang penuh dengan kenikmatan.

Maka setiap orang yang terdahulu (*al-asbaq*), maka dia adalah lebih baik (*afḍal*). Mereka dikasihi oleh setiap orang mukmin yang bertaqwa dan dibenci oleh setiap orang munafik yang tercela (*shaqīyy*).

Keenam: Kita mengakui bahawa sesungguhnya hamba bersama perbuatan, ikrar dan pengenalannya (*ma'rifatihi*) adalah diciptakan (*makhlūq*) [oleh Allah Ta'ala]. Maka apabila pembuat (*al-fā'il*) itu adalah diciptakan (*makhlūq*), maka perbuatannya itu lebih utama [diiktiraf] sebagai ciptaan (*makhlūq*) [Allah Ta'ala].

Ketujuh: Kita mengakui bahawa Allah Ta'ala mencipta makhluk dan tiada pada mereka kekuatan (*tāqah*), kerana mereka adalah lemah (*du'afā' `ājizūn*). Allah Ta'ala lah mencipta dan memberi rezeki kepada mereka berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Rūm, 30: 40:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ

يُحْيِيكُمْ ...

Terjemahan: Allah yang menciptakan kamu, kemudian memberi kamu rezeki, kemudian mematikanmu, dan kemudian menghidupkanmu (kembali)...

Usaha (*al-kasb*) itu adalah halal, mengumpulkan harta daripada [sumber dan cara] yang halal adalah halal, dan mengumpulkan harta daripada [sumber dan cara] yang haram adalah haram.

Manusia itu [terbahagi kepada] tiga golongan; Mukmin yang ikhlas dalam imannya, orang kafir yang ingkar dalam kekufurannya, dan orang munafik yang berselindung (*mudāhin*) dalam kemunafikannya (*nifāqih*). Maka Allah Ta'ala mewajibkan {h.54} ke atas orang yang

beriman itu [dengan] amalan, orang yang kafir itu [dengan] keimanan, dan orang yang munafik itu [dengan] keikhlasan, [Ini] berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Nisā', 4: 1:

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ... 

Terjemahan: Hai sekalian manusia,
bertakwalah kepada Tuhan kamu...

[Ayat ini] membawa maksud: “Wahai orang-orang yang beriman, taatilah” (ditujukan kepada orang yang beriman), “wahai orang-orang kafir, berimanlah” (ditujukan kepada orang yang kafir), dan “wahai orang-orang munafik, ikhlaslah” (ditujukan kepada orang yang munafik).

Kelapan: Kita mengakui bahawa sesungguhnya kemampuan (*al-istiṭā'ah*) itu [berlaku serentak] dengan perbuatan, ia tidak berlaku sebelum perbuatan atau selepas perbuatan. Ini kerana jika ia [kemampuan] itu [berlaku] sebelum perbuatan, nescaya hamba (makhluk) tidak berhajat (*mustaghniyan*) kepada Allah Ta'ala pada masa mereka perlu [melakukan perbuatan], dan ini bersalahan dengan ketetapan nas [al-Quran] (*ḥukm al-naṣ*) berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam surah Muḥammad, 47: 38:

وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ... 

Terjemahan: Dan Allah itu Maha Kaya
sedangkan kamulah orang-orang yang
berkehendak (kepada-Nya)...

Jika ia (kemampuan) itu [berlaku] selepas perbuatan, maka perkara tersebut adalah mustahil kerana [perbuatan] itu terhasil tanpa kemampuan dan daya (*bilā istiṭā'ah wa ṭāqah*).

Kesembilan: Kita mengakui bahawa menyapu di atas dua *khūf* adalah wajib bagi [orang] yang bermukim [bagi tempoh] sehari semalam, dan bagi orang yang bermusafir

[bagi tempoh] tiga hari tiga malam kerana [terdapat] hadis [yang menjelaskan] sedemikian. Maka barangsiapa yang mengingkarinya, dikhuatiri dia menjadi kufur kerana [hadis tersebut] hampir kepada [darjat] hadis *mutawātir*. Memendekkan sembahyang (*al-qashr*) dan berbuka puasa (*al-iftār*) bagi orang yang bermusafir merupakan suatu keringanan (*rukhsah*) [kepada mereka] berdasarkan ayat al-Qur'an (*naṣ al-kitāb*), firman Allah Ta'ala [yang berkaitan dengan *al-qashr* ialah], surah al-Nisā', 4: 101:

وَإِذَا ضَرَرْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ
تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ ...

Terjemahan: Apabila kamu bermusafir di muka bumi, maka tidaklah mengapa kamu memendekkan sembahyang(mu)...

Firman Allah [yang berkaitan dengan berbuka puasa ketika musafir pula], surah al-Baqarah, 2: 184:

فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ
أُخْرَى ...

Terjemahan: Maka barangsiapa diantara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain...

Kesepuluh: Kita mengakui bahawa sesungguhnya Allah Ta'ala memerintahkan pena (*al-qalam*) agar menulis, maka pena berkata: "Apa yang hendakku tulis wahai Tuhanku"?! Maka Allah Ta'ala menjawab: "Tulislah segala yang berlaku sehingga hari Kiamat". [Ini] berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Qamar, 54: 52-53:

وَكُلُّ شَيْءٍ فَعَلُوهُ فِي الزُّبُرِ ۖ وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ

مُسْتَطَرٍّ

Terjemahan: Dan segala sesuatu yang telah mereka perbuat tercatat dalam buku-buku catatan. Dan segala (urusan) yang kecil maupun yang besar adalah tertulis.

Kesebelas: Kita mengakui bahawa sesungguhnya azab kubur adalah [benar], bukannya mustahil, dan soalan [daripada Malaikat] Munkar dan Nakir adalah benar (*haqq*) berdasarkan [dalil daripada] hadis-hadis, syurga dan neraka adalah benar dan ia telah diciptakan bagi penghuni keduanya, [ini] berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam menerangkan hak (janji Allah Ta'ala) kepada orang yang beriman sepertimana dalam surah Āli 'Imrān, 3: 133:

أَعَدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Terjemahan: Telah disediakan (syurga) untuk orang-orang yang bertakwa.

Adapun dalam menerangkan hak (janji Allah Ta'ala) kepada orang yang kufur adalah sepertimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah, 2: 24 dan surah Āli 'Imrān, 3: 131:

أَعَدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

Terjemahan: Telah disediakan (neraka) bagi orang-orang kafir.

{h.55} Allah menciptakan keduanya (syurga dan neraka) adalah sebagai [tempat ganjaran] pahala dan pembalasan [dosa] (*li al-thawāb wa al-'iqāb*). Timbangan (*al-mizān*) [juga] adalah benar berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Anbiyā', 21: 47:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ... ﴿٤٧﴾

Terjemahan: Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari Kiamat..

Begitu juga, pembacaan buku [catatan amalan] (*qirā'ah al-kutub*) adalah benar berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam surah al- Isrā', 17: 14:

أَقْرَأْ كِتَابَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ أَلْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾

Terjemahan: "Bacalah kitabmu, cukuplah dirimu sendiri pada waktu ini sebagai penghisab terhadapmu".

Keduabelas: Kita mengakui bahawa Allah Ta'ala menghidupkan segala jiwa [dan jasad] selepas kematian, dan [Allah Ta'ala juga] membangkitkan mereka semula pada satu hari yang tempohnya berkadaran 50,000 tahun [di dunia] untuk tujuan pembalasan (*al-jazā'*), pemberian ganjaran (*al-thawāb*) dan penunaian hak [bagi segala amalan manusia semasa di dunia] (*adā' al-huqūq*), [ini] berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Ḥajj, 22: 7:

وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dan bahwasanya Allah Ta'ala membangkitkan semua orang di dalam kubur.

Pertemuan (*liqā'*) Allah Ta'ala dengan ahli syurga (*ru'yah Allah*) adalah benar tanpa *kaifiat* (*bi lā kayfiyyah*) dan tanpa penyerupaan (*lā tashbih*) dan tanpa [ada sesuatu] sudut (*lā jihhah*).

Pertolongan Nabi Muhammad s.a.w (*shafā'ah*) [juga] adalah benar kepada sesiapa dalam kalangan penghuni syurga, walaupun dia merupakan pelaku dosa besar (*ṣāhib al-kabīrah*) [semasa di dunia].

`Ā'ishah merupakan sebaik-baik wanita di dunia ini selepas Khadijah al-Kubrā, dan [`Ā'ishah] merupakan ibu

bagi sekalian orang mukmin (*umm al-mukminīn*), suci [dari tuduhan] zina dan terlepas (*barī'ah*) daripada tuduhan golongan *al-Rawāfīd*. Maka, sesiapa yang bersaksi bahawa [*Ā'ishah*] pernah melakukan zina, maka dialah anak zina (*walad al-zinā*).

Ahli syurga kekal di dalam syurga, dan ahli neraka kekal di dalam neraka berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam menerangkan hak (janjiNya) kepada orang yang beriman adalah sepertimana dalam surah al-Baqarah, 2: 82:

 أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan: Mereka itu penghuni surga, dan mereka kekal di dalamnya.

Manakala dalam menerangkan hak (janji-Nya) kepada orang yang kufur adalah sepertimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah, 2: 39:

 أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan: Mereka itu penghuni neraka, dan mereka kekal di dalamnya.

Tamat

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, jelas menunjukkan bahawa Imam Abū Ḥanīfah merupakan salah seorang sarjana agung dalam sejarah Islam. Ketokohan beliau bukan sahaja dalam bidang fiqh sebagaimana yang diketahui umum, bahkan beliau juga berketokohan dalam bidang akidah. Hal ini terbukti dengan wujudnya beberapa karya beliau dalam bidang tersebut, seperti *Fiqh Akbar*, *Fiqh Absaṭ* dan juga *Waṣiyyah*. Ketokohan beliau dalam bidang akidah juga dijelaskan lagi dengan beberapa nukilan berkaitan

persoalan akidah dan pengiktirafan para ahli sejarah terhadap beliau.

Risalah *Waṣiyyah* yang dibincangkan dalam makalah ini merupakan antara kitab Imam Abū Ḥanīfah yang penting dalam bidang akidah. *Waṣiyyah* ini tidak diragui lagi sebagai karya sah beliau dan ia secara khusus memerihalkan prinsip-prinsip *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah* supaya para pelajar (*aṣḥāb* dan *ikhwān*) khasnya dan umumnya umat Islam mengenali golongan tersebut dan tidak terperangkap dengan golongan pelaku bid`ah (*mubtadi`*) ataupun golongan pengikut hawa nafsu (*ṣāhib hawā`*).

Risalah ini seterusnya membentangkan dua belas prinsip *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah* yang perlu dilazimi oleh semua umat Islam. Walaupun risalah ini kelihatan amat ringkas dan padat, namun dengan adanya makalah ini diharapkan ia dapat memberi manfaat kepada umat Islam untuk dijadikan prinsip asas dan panduan dalam mengenali dan sentiasa berada pada landasan akidah yang benar serta berpegang dengan prinsip-prinsip *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*.

Rujukan

Abū Ḥanīfah, al-Nu`mān bin Thābit. "Al-Fiqh al-Akbar."

Dalam *Al-`Ālim wa al-Muta`allim*, taḥqīq Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī. Miṣr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001.

Abū Ḥanīfah, al-Nu`mān bin Thābit. "Waṣiyyah al-Imām al-A`zam `inda Wafātih Raḥimahu Allāh." Dalam *Waṣiyyah al-Imām Abī Ḥanīfah*, taḥqīq `Abd Raḥman Ḥasan Maḥmūd. Jamāmi`at: Maktabah al-Ādāb, 1988.

Abū Ḥanīfah, al-Nu`mān bin Thābit. "Waṣiyyah." Dalam *Al-`Ālim wa al-Muta`allim*, taḥqīq Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī. Miṣr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001.

Al-`Alawī, Mufti Rashīd Aḥmad. "Waṣiat Binām Aṣḥāb `Ām al-Ma`rūf `Alāmāt Ahl al-Sunnat wa al-Jamā`at."

- Dalam *Imām A'zam Kia Waṣiyyatīn Awr Naṣīhatīn*.
Lahore: Maktabah Dar al-Ma'arif al-'Alawiyyah, 2005.
- Al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Shihāb al-Dīn.
Tahdhīb al-Tahdhīb, semakan Ibrāhīm Zaybāq dan
'Adil Murshid, jil. 4. Beirut: Mu'assasat al-Risālah,
2001.
- Al-Bābartī, Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad.
Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah, taḥqīq Muḥammad Ṣubḥī
al-'Āyidī dan Ḥamzah Muḥammad Wasīm al-Bakrī.
Urdun: Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2009.
- Al-Baghdādī al-Bābānī, Ismā'īl Bāshā. *Hadiyyah al-*
'Ārifīn: Asmā' al-Mu'allafīn wa Āthār al-Muṣannaḥīn,
jil.2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955.
- Brockelmann, Carl. *Tārīkh al-Adab al-'Arabī*, terj.
Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī. Qaherah: Hai'ah al-Miṣriyyah
al-'Āmmah li al-Kitāb, 1993.
- Daiber, Hans. *The Islamic Concept of Belief in the 4th/10th
Century: Abū al-Layth al-Samarqandī's Commentary
on Abū Ḥanīfa al-Fiqh al-Absaṭ, Introduction, Text and
Commentary*, Japan: Tokyo University of Foreign
Studies, 1995.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin
'Uthmān. *Siyar al-A'lām al-Nubalā'*, ed. Shu'ayb al-
Arnaut dan Ḥusayn Asad, jil. 6. Beirut: Mu'assasat al-
Risālah, 1996.
- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān. *Mizān
al-'Itidāl fi Naqd al-Rijāl*, taḥqīq 'Alī Muḥammad al-
Bajāwī, jil.1. Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.
- Gibb, H. A. R. dan Kramers, J. H. *Shorter Encyclopedia
of Islam*. Leiden: E. J. Brill, 1974.
- Ḥājī Khalīfah, Muṣṭafā bin 'Abd Allāh. *Kashf al-Zunūn*.
Kaherah: Dār al-Fikr, 1982.
- Iblāgh, 'Ināyat Allāh. *Al-Imām al-A'zam Abū Ḥanīfah al-*
Mutakallim. t.tp.: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-
Islāmiyyah, 1971.

- Ibn Hajar al-ʿAsqalānī. *Lisān al-Mīzān*, ed. Ishrāf Muḥammad Ibn ʿAbd Raḥmān al-Marʿishlī, jil.2. Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī, 1995.
- Ibn Khallikān, Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr. *Wafayāt al-Aʿyān wa Anbāʾ Abnāʾ al-Zamān*, ed. Ihsān ʿAbbās, jil. 3. Beirut: Dār al-Thaqāfah, 1969.
- Al-Isfarāyīnī, Abū al-Muẓfir. *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah ʿan Firqah al-Hālikīn*, taḥqīq Muḥammad Zāhid bin al-Ḥasan al-Kawtharī. t.tp: Matbaʿah al-Anwār, 1940.
- Al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid. *Bulūgh al-Amānī fī Sīrah al-Imām Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 1999.
- Al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid. *Ḥusn al-Taqāḍī fī Sīrah al-Imām Abī Yūsuf al-Qāḍī*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2002.
- Al-Kīrānawī, Aḥmad. *Abū Ḥanīfah wa Aṣḥābuh*. Beirut: Dār al-Fikr al-ʿArabī, t.t.
- Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf. *Tahdhīb al-Kamāl*, ed. Bashshār ʿIwād Maʿrūf, jil. 29. Beirut: Muʾassasat al-Risālah, 2002.
- Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah dalam Kitab *al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim*," *AFKAR* 11 (2010): 129-166.
- Mohd Anuar Mamat, "Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan," *Jurnal Usuluddin* 37 (2013): 1-32.
- Mohd Anuar Mamat. "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Menurut Abu Hanifah al-Nuʿman (m.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim*, Terjemahan dan Analisis." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

- Muḥammad Abū Zahrah. *Abū Ḥanīfah: Ḥayātuhū, wa 'Aşruhū wa Ārā'uhū wa Fiqhuhū*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.
- Al-Nadīm, Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya`qūb Ishāq. *Al-Fihrist*, taḥqīq Yūsuf 'Alī Ṭawīl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996.
- Al-Namīrī, Abū Yūsuf bin 'Abd Allāh bin 'Abd al-Barr. *Al-Intiqā' fi Faḍā'il al-Thalāthah al-A'immah al-Fuqahā'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Qurashī, Abu al-Wafā 'Abd al-Qādir bin Abī al-Wafā Muḥammad bin Nuşr Allāh bin Sālim. *Al-Jawāhir al-Muḍiyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*. Karachi: Miz Kutub Khanah Aram Bagh, t.t.
- Quṭlubaghā, Zayn al-Dīn. *Tāj al-Tarājum fi Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*. Baghdad: Maṭba'ah al-'Ānī, 1963.
- Al-Rāzī, 'Abd al-Rahmān bin Abū Ḥātim Muḥammad bin Idrīs. *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, ed. Muşṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭā, jil.8. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002.
- Al-Şaymarī, Abū 'Abdillāh Ḥusayn bin 'Alī. *Akhbār Abī Ḥanīfah wa Aşhābuh*, cet. ke-2. t.tp.: 'Alam al-Kutub, 1985.
- Sezgin, Fuat. *Tārīkh al-Turāth al-'Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī. t.tp.: Idārah al-Thāqafah wa al-Nashr bi al-Jāmi'ah, 1983.
- Al-Shaybānī, al-Mubārak bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm. *Al-Mukhtar min Manāqib al-Akhyār li Ibn Athīr*, ed. Ma'mūn al-Şāghirjī, 'Adnān 'Abd Rabbih dan Muḥammad Adīb al-Jādir. UEA: Markaz Zāyid li al-Turāth wa al-Tārīkh, 2003.
- Sheikh Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2001.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī al-Bakr. *Tabyīḍ al-Şaḥīfah fī Manāqib al-Imām Abū Ḥanīfah*. Ḥalab: Dār al-Wa'y, 2007.

Al-Tamīmī al-Dārī, Taqī al-Dīn bin `Abd al-Qādir. *Al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Ḥanafīyyah*, tahqīq
`Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Hilw. Riyadh: Dār al-
Rifa`ī, 1983.

Al-Yāfī'ī, `Abd Allāh bin As'ad bin `Alī bin Sulaymān.
Mir'āt al-Jinān wa `Ibrāt al-Yaqazān fī Ma'rifat ma
Yu'tabar min Ḥawādith al-Zamān, ed. Khalīl Maṣṣūr,
jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1997.

Wensick, A.J. *The Muslim Creed: Its Genesis and*
Historical Development. London: Frank Crass & Co.
Ltd, 1965.